

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan:

- a. secara terperinci mengenai jumlah peruntukan yang diterima dan dibelanjakan oleh MITRA untuk setiap tahun sejak tahun 2018; dan
- b. senaraikan semua penerima dan sejak tahun 2018 dan mengemukakan penyata kewangan MITRA secara telus.

**JAWAPAN**

Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memulakan siasatan ke atas program-program yang telah diluluskan di bawah MITRA bagi tahun 2019 hingga April 2020 (iaitu ketika MITRA di bawah Jabatan Perdana Menteri) hingga tahun 2021 (iaitu Ketika MITRA di bawah Kementerian Perpaduan Negara).

Sehubungan dengan itu, saya tidak akan menjawab soalan Ipoh Barat ini kerana dikhuatiri sebarang pendedahan maklumat yang terperinci mengenai Projek ini akan mengganggu siasatan yang sedang dilaksanakan oleh pihak SPRM.

Sekian, terima kasih.